

PRESS RELEASE

KHADAM

A new kind of horror film featuring top stars Datuk Remy Ishak, Siti Khadijah Halim and Indonesian star Aghniny Haque.

10 September 2025, Kuala Lumpur — In a special media gathering today, it was announced that two acclaimed Malaysian production houses; **Red Communications** and **Komet Productions**, have joined forces to bring audiences a gripping new horror film set in 1950s Malaysia. *Khadam* promises to blend the richness of local Nusantara folklore with chilling cinematic storytelling, anchored by powerful characters.

Fronting this cross-border collaboration is a stellar cast led by Aghniny Haque, widely recognised as the queen of Indonesian horror (*KKN Desa Penari*, *Pemandi Jenazah*), alongside Malaysia's own heartthrob Remy Ishak (*The Experts*, *Pulang*, *Sangkar*) and rising star Siti Khadijah Halim (*From Saga With Love*, *Ash & Aish*). *Khadam* marks Red Communications' bold entry into the horror genre and pairs Red's celebrated storytelling expertise (*Istanbul Aku Datang*, *Kami The Movie*, *Songlap*) with Komet's proven track record as a trusted Southeast Asian content partner (*Executive Producer – Blood Brothers Bara Naga*, *Ejen Ali The Movie 2*, *Siksa Kubur*).

This milestone project has already sparked significant international buzz, drawing strong interest from foreign investors including Sil Metropole (Hong Kong) and Applause Entertainment (India). Their involvement signals the growing global appetite for high quality Southeast Asian genre films with distinctive cultural roots. This project has also received the support of FINAS (National Film Development Corporation Malaysia).

Khadam will be directed by Shamy! Othman who previously helmed *Rahsia*, one of Malaysia's blockbuster horror titles. The film is written by Fariza Azlina Isahak, the acclaimed writer behind the award-winning film *Songlap*, and the iconic *KAMI The Movie*, both celebrated for capturing the zeitgeist of their generation.

The story follows Melor, who after the death of her mother, reluctantly inherits her family's *saka* (a spiritual inheritance with dark and mystical undertones). As the *saka* tightens its grip on her life, she races against time to protect her young daughter from a violent destiny as the next mistress of this dark legacy.

At its core, *Khadam* is more than a horror film. It's a poignant exploration of the struggles of motherhood and the choices women must make in times of societal and supernatural pressure, brought to life through a suspense-filled and spine-tingling story wrapped in Southeast Asian folklore.

The collaboration between the two production houses reflects the continuous efforts to strengthen the local film industry, bringing together resources, talent and vision to elevate Malaysian horror onto the regional stage. With an Indonesian star taking on a pivotal role in this Malaysia-based project, the film aims to reach a wider audience across Southeast Asia.

Production is set to begin mid-September 2025 with a targeted release in cinemas nationwide and select regional markets in 2026. The film will also star Jun Lojong, alongside child actors and siblings Zarra Zhaff and Karl'El.

About Red Communications

Founded in 1999, Red Communications is an award-winning Malaysian production house with a strong legacy in film, television and digital content. Renowned for shaping youth-driven and culturally resonant stories, Red has produced some of Malaysia's most iconic feature films including *Gol & Gincu* (2005), its sequel *Gol & Gincu Vol. 2* (2018), *Kami the Movie* (2008), *Istanbul Aku Datang!* (2012), *Sabalik Baju* (2021) and *Songlap* (2011), each celebrated for redefining contemporary Malaysian cinema and connecting with new generations of audiences.

Beyond film, Red has built an acclaimed portfolio across television and branded content with hits like *Oh My English!* (International Digital Emmy® nominee), *Club Mickey Mouse* (Best Kids Show, Asian Academy Creative Awards 2018–2020) and *From Saga With Love* (Best Comedy Series, Asia Academy Creative Awards 2024). Red's work has also been recognised on global stages, with *Operation Sumatran Rhino* screening at the New York Wildlife Conservation Film Festival and long-running TV Series *3R (Respect, Relax, Respond)* winning Best Infotainment Award at the 2002 Asia Television Awards.

With over two decades of storytelling excellence, Red Communications continues to push creative boundaries in cinema and beyond, collaborating with international partners while championing authentic Malaysian voices on the global stage.

About Komet Productions

Helmed by experienced Southeast Asian ("SEA") content and media professional Ahmad Izham Omar, Komet is the brand name that binds the different Komet companies together in its sole vision of producing, distributing and investing into new and progressive SEA creative content.

Always on the lookout for "something new and exciting", Komet begun operations in July 2023 with a bang, securing investment into the hottest creative content IPs in the SEA region including becoming one of the Executive Producers of the landmark film *Siksa Kubur* directed by SEA's premier director Joko Anwar, the mega-successful *Blood Brothers Bara Naga* from Malaysia's blockbuster producer Skop Productions and premier SEA animated movie *Ejen Ali The Movie 2* from Wau Animation which was a hit in Southeast Asia. With a high-quality curation of an ever-growing number of film slates, Komet has now turbocharged its journey into becoming a premiere producer, distributor and investor of brave and new creative content from young and emerging creative voices from SEA for global consumption.

For any further inquiries, please contact:

VIVIAN, RED COMMUNICATIONS | viv@red.com.my

AYU AMIRROL, KOMET PRODUCTIONS | ayu.amirrol@komet.my

Follow the journey on Instagram:

@khadamthemovie | **@redcommfilms** | **@komet_productions**

Follow the journey on TikTok:

@khadamthemovie | **@komet.productions**

KENYATAAN AKHBAR

KHADAM

Filem seram terbaru lakonan bintang ternama Datuk Remy Ishak, Siti Khadijah Halim dan bintang dari Indonesia, Aghniny Haque.

10 September 2025, Kuala Lumpur — Dalam sebuah pertemuan media khas hari ini, dua syarikat produksi Malaysia yang ternama — **Red Communications** dan **Komet Productions** — telah bergabung tenaga untuk menghasilkan sebuah filem seram yang mendebarkan berlatarbelakangkan Malaysia era 1950-an. *Khadam* menjanjikan gabungan kisah mistik Nusantara, beserta penceritaan sinematik yang menyeramkan melalui watak-watak penuh makna dan emosi.

Mengemudi kolaborasi rentas sempadan ini adalah barisan pelakon hebat, diterajui oleh Aghniny Haque, ratu filem seram Indonesia (*KKN Desa Penari*, *Pemandi Jenazah*), bersama Remy Ishak, idola layar Malaysia (*The Experts*, *Pulang*, *Sangkar*) dan bintang yang meningkat naik, Siti Khadijah Halim (*From Saga With Love*, *Ash & Aish*). Melalui kepakaran penceritaan yang telah terbukti berdasarkan penghasilan filem-filem ikonik mereka sebelum ini (*Istanbul Aku Datang*, *Kami The Movie*, *Songlap*), Red Comm terus melangkah berani dengan menembusi genre seram-serius melalui *Khadam*, bersama Komet sebagai rakan kandungan yang dipercayai. Komet adalah sebuah syarikat produksi Asia Tenggara dengan rekod cemerlang (*Penerbit Eksekutif – Blood Brothers Bara Naga*, *Ejen Ali The Movie 2*, *Siksa Kubur*).

Projek ini telah berjaya menarik perhatian syarikat produksi antarabangsa dan pelabur luar termasuk Sil Metropole (Hong Kong) dan Applause Entertainment (India). Penglibatan mereka membuktikan permintaan tinggi terhadap filem genre Asia Tenggara yang berkualiti serta berakar dalam budaya tempatan. Projek ini juga mendapat sokongan dari FINAS (Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia).

Filem ini bakal diarahkan oleh Shamy! Othman, pengarah filem seram blockbuster Malaysia tahun 2023, *Rahsia*. Skrip serta lakon layar ditulis oleh Fariza Azlina Isahak, penulis prolific di sebalik *KAMI The Movie* dan *Songlap*, dua karya yang diraikan kerana berjaya menangkap semangat zaman generasi mereka.

Khadam mengisahkan tentang Melor yang selepas kematian ibunya terpaksa mewarisi saka keluarga — pewarisan spiritual gelap dan mistik. Apabila saka itu mulai menguasai hidupnya, Melor terdesak berpacu dengan masa untuk menyelamatkan anak perempuannya daripada mewarisi entiti hitam tersebut.

Khadam bukan hanya sebuah filem seram. Ia adalah sebuah penerokaan penuh emosi tentang cabaran keibuan dan pilihan yang harus diambil oleh seorang wanita yang hidup dalam desakan dunia, berpaksikan mitos serta budaya Asia Tenggara. Kisah ini digarap halus dengan penceritaan yang seram dan mendebarkan.

Kerjasama antara dua syarikat produksi ini mencerminkan usaha berterusan untuk memperkukuh industri perfileman tempatan dengan menghimpunkan sumber, bakat dan visi bagi mengangkat filem seram Malaysia ke pentas serantau. Dengan penyertaan pelakon dari negara jiran, filem ini diharap

dapat membuka peluang untuk menembusi pasaran penonton yang lebih luas di seluruh Asia Tenggara.

Penggambaran akan bermula pada pertengahan September 2025 dan dijangka akan menemui penonton di pawagam seluruh negara dan pasaran serantau terpilih tahun 2026. Filem ini juga akan dibintangi oleh Jun Lojong, bersama pelakon kanak-kanak adik-beradik Zarra Zhaff and Karl'El.

Tentang Red Communications

Ditubuhkan pada 1999, Red Communications ialah syarikat produksi Malaysia yang memenangi pelbagai anugerah dengan legasi kukuh dalam filem, televisyen dan kandungan digital. Dikenali kerana menghasilkan kisah-kisah berjiwa muda dan dekat di hati masyarakat, Red Comm telah menerbitkan beberapa filem ikonik Malaysia termasuk *Gol & Gincu* (2005), sekuelnya *Gol & Gincu Vol. 2* (2018), *Kami The Movie* (2008), *Istanbul Aku Datang!* (2012), *Sabalik Baju* (2011) dan *Songlap* (2011).

Selain filem, Red Comm turut membina portfolio hebat dalam rancangan televisyen dan kandungan berjenama antaranya *Oh My English!* (Pencalonan International Digital Emmy®), *Club Mickey Mouse* (Rancangan Kanak-kanak Terbaik, Asian Academy Creative Awards 2018–2020) dan *From Saga With Love* (Komedi Terbaik, Asia Academy Creative Awards 2024). Karya Red Comm turut diiktiraf di pentas antarabangsa, termasuk *Operation Sumatran Rhino* yang ditayangkan di New York Wildlife Conservation Film Festival dan rancangan TV *3R (Respek, Relaks, Respon)* dianugerah Best Infotainment Show di Asia Television Awards 2002 .

Dengan lebih dua dekad pengalaman, Red Communications terus mendorong sempadan kreatif sambil mengangkat suara tulen Malaysia ke pentas global.

Tentang Komet Productions

Di bawah pimpinan penggiat media berpengalaman Asia Tenggara Ahmad Izham Omar, Komet ialah sebuah jenama yang menyatukan pelbagai syarikat di bawahnya dengan satu matlamat yang jelas: menghasilkan, mengedar dan melabur dalam kandungan kreatif baharu dari rantau ini.

Sejak ditubuhkan pada Julai 2023 Komet telah mencipta impak besar melalui penglibatan sebagai Penerbit Eksekutif untuk filem horor-epik *Siksa Kubur* arahan Joko Anwar, *Blood Brother Bara Naga* daripada Skop Productions serta karya animasi mega Asia Tenggara *Ejen Ali The Movie 2* oleh Wau Animation. Dengan tumpuan pada projek-projek berkualiti tinggi, Komet terus mengukuhkan reputasi sebagai penerbit, pengedar dan pelabur utama dalam kandungan kreatif berani dari suara muda Asia Tenggara yang disasarkan untuk pasaran global.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi :

VIVIAN, RED COMMUNICATIONS | viv@red.com.my

AYU AMIRROL, KOMET PRODUCTIONS | ayu.amirrol@komet.my

Ikuti perjalanan KHADAM di Instagram:

@khadamthemovie | @redcommfilms | @komet_productions

Ikuti perjalanan KHADAM di TikTok:

@khadamthemovie | @komet.productions